



saipem
12° palazzo uffici

eni



Haida Akmar diamanahkan kendali projek jutaan ringgit

Memang jawatan sebagai Jurutera Projek di Malaysia LNG (MLNG) yang dimiliki oleh PETRONAS merupakan satu tugas yang amat membanggakan apatah lagi segala ilmu yang diperoleh di Universiti Malaysia Pahang (UMP) amat bermakna sekali apabila Haidar Akma pernah dipertanggungjawabkan mengendalikan projek yang bernilai jutaan ringgit.

Melihat peri pentingnya peranan yang perlu dimainkan oleh bekas pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) ini telah membuktikan beliau merupakan seorang yang sangat bijak dalam mengendalikan pekerjaannya sehingga diamanahkan melaksanakan tugas yang amat penting sekali.

“Saya amat meminati skop tugas saya ini yang mana ia sangat bersangkutan paut dengan apa yang saya belajar di UMP dahulu,” ujar anak kelahiran Selangor ini.

Tambahnya lagi, sebab utama beliau memilih UMP juga adalah kerana beliau amat berminat dengan kejuruteraan awam yang mana UMP merupakan satu-satunya universiti teknikal yang menawarkan pengkhususan dalam bidang yang diminatininya tersebut.

Kelebihan UMP yang mempunyai kemudahan dan kelengkapan makmal

juga merupakan antara faktor menarik yang membuatkan beliau berminat untuk menjadikan UMP sebagai pilihan utamanya.

Selain tuntutan menjadi seorang mahasiswa, Haida Akma juga berpendapat dengan penglibatan aktiviti kokurikulum dan *soft skill* yang diterapkan di UMP banyak membantu beliau dalam meningkatkan keyakinan diri dalam menghadapi apa jua cabaran dalam melaksanakan tugas sama ada sewaktu belajar dahulu maupun dalam kerjayanya sekarang.

Terkini, bekas graduan UMP yang pernah menjadi Setiausaha Korea International Education Visit 2007 ini sedang melaksanakan projek menaik taraf substation MLNG yang mana ia memerlukan pemantauan secara teliti bagi menguruskan kos, jadual perjalanan projek serta mematuhi sistem dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak PETRONAS.

Haida Akmar percaya sekiranya masa yang terluang sewaktu berada di universiti dimanfaatkan sebaik mungkin seperti mana yang dilakukannya ini telah banyak membantu dalam membentuk jati diri dan persediaannya bagi menghadapi dunia pekerjaan yang penuh dengan pelbagai cabaran.